

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : UCAPAN SEMASA MELAWAT TAMAN SRI PUTRI
Lokasi : TAMAN SRI PUTRI, REMBAU, NEGERI SEMBILAN
Tarikh : 29-12-1986

Bismillahir rahmanir rahim.

Yang Mulia Puan Pengerusi;

Yang Amat Berbahagia Datin Hazizah bte Hj.

Tumin;

Yang Berusaha, Pengetua Taman Sri Putri;

Ahli-Ahli Lembaga Pelawat dan Pegawai-Pegawai Kerajaan;

Saudari-Saudari Penghuni Taman Sri Putri;

Para hadirin sekalian.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Saya bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurniaNya dapat saya melawat Taman Seri Putri pada pagi ini.

2. Saya berasa gembira kerana dapat melihat sendiri keadaan di Taman Seri Putri. Sebagai yang tuan-tuan dan puan-puan sedia maklum, pusat ini telah didirikan oleh Kerajaan untuk menempatkan wanita dan gadis di bawah umur duapuluh satu tahun yang di dapati salah kerana terlibat dalam kegiatan-kegiatan yang tidak baik.

3. Setiap tahun lebih kurang empat ratus gadis dan wanita telah ditangkap oleh pihak berkuasa semasa serbuan di tempat-tempat maksiat (vice dens). Ramai gadis dijumpai di dalam tempat-tempat seperti ini kerana keadaan terdesak atau kerana tipu daya orang-orang yang ingin hidup senang.

Malangnya orang-orang ini kadangkala terdiri dari suami dan keluarga mereka sendiri.

4. Untuk melindungi gadis dan wanita dari dipergunakan Kerajaan telah menggubal Akta Perlindungan Wanita dan Gadis pada tahun 1973 yang mana pindaannya sedang di buat oleh Parlimen sekarang untuk memperbaiki kelemahan-kelemahan yang ada dalam Akta tersebut.

5. Mengikut Akta itu, seorang gadis di bawah umur duapuluh satu tahun yang belum kahwin jika ditangkap kerana terlibat dalam perbuatan maksiat atau menghadapi bahaya moral, diberi perlindungan dan dihantar ke pusat-pusat pemulihan akhlak selama tiga tahun. Semasa menjalani pemulihan, seorang gadis itu diberi cuti selama dua minggu dalam setiap tahun untuk pulang ke rumah. Beberapa kajian yang di buat mendapati bahawa semasa pulang ke rumah ramai gadis telah dipaksa berkahwin dan suami mereka kemudiannya memaksa mereka membuat maksiat. Kalau keadaan ini berlaku gadis ini tidak mendapat perlindungan undang-undang kerana telah berkahwin.

6. Ada setengah gadis melarikan diri dari pusat pemulihan dan kembali kepada tabiatnya yang lama. Sekiranya ia ditangkap sekali lagi maka hukumannya akan dilanjutkan. Ini adalah di antara pindaan kepada Akta tersebut yang sedang dibuat oleh Parlimen sekarang. Oleh yang demikian, saya ingin menasihati gadis-gadis dan wanita-wanita di Taman Seri Putri supaya jangan lari dari pusat ini. Mereka hendaklah tinggal di sini hingga tamat tempuh pemulihan demi masa depan mereka.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

7. Untuk menentukan supaya gadis-gadis yang sesat jalan ini mengubah cara hidup mereka, pihak berkuasa saya tahu telahpun merancang program-program yang sesuai atau kursus-kursus latihan kemahiran supaya gadis-gadis ini dapat meneroka hidup yang baru apabila mereka meninggalkan pusat ini. Kursus-kursus seperti jahitan, gubahan bunga, memasak, pertukangan tangan dan sebagainya bolehlah disediakan oleh pihak Kerajaan untuk melatih gadis-gadis ini. Saya percaya sekiranya ada pekerjaan yang lain yang boleh di jadikan nafkah hidup, nescaya gadis-gadis ini dapat mengubah cara hidup mereka.

8. Pemulihan yang dijalankan di tempat ini tidak akan berkesan serta tidak akan memberi faedah sekiranya masyarakat masih beranggapan buruk terhadap gadis-gadis ini dan masih enggan menerima mereka. Saya percaya dengan nasihat dan tunjuk ajar, ajaran agama, peluang pekerjaan dan peluang meneroka hidup baru, gadis-gadis ini akan menghargai jasa tuan-tuan dan puan-puan yang terlibat dengan pusat ini.

9. Saya difahamkan bahawa Ahli-Ahli Lembaga Pelawat Taman Seri Putri telah memberikan kerjasama yang erat, sumbangan buah fikiran yang bernas serta berpadu tenaga bagi kebaikan perjalanan taman ini. Saya berbangga dengan sumbangan yang telah tuan-tuan dan puan-puan berikan itu. Saya berharap Ahli-Ahli Lembaga dapat meluangkan masa dan dapat kerap datang ke Taman ini untuk bertemu bual dengan murid-murid semoga mereka tidak merasa terasing serta tersisih daripada masyarakat.

10. Kepada gadis-gadis dan wanita-wanita Taman Seri Putri ini saya ingin menasihati mereka supaya memikirkan masa depan mereka dan bagaimana hendak mencari nafkah hidup yang sah dan balik ke pangkuan masyarakat. Puan-puan masih muda dan tentulah ingin berumahtangga. Hati-hatilah apabila memilih pasangan hidup, jangan menjadi mangsa kepada orang-orang yang sanggup menjual anak isteri mereka sendiri kerana hendak hidup senang. Saya harap puan-puan berjaya dalam mencari kebahagiaan hidup apabila keluar dari tempat ini kelak.

Sekian, wabillahitaufik walhidayah wassamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.